



F&N Point
No. 3, Jalan Metro Pudu 1,
Fraser Business Park, off Jalan Yew,
55200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-9235 2288 Fax : 603-9222 7878

FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD

(Company No. 004205-V)

SIARAN BERITA
26 OKTOBER 2018

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK PENTING KEPADA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

*F&N E.L.I.T.E. terus bina asas pembelajaran sepanjang hayat
Untuk kanak-kanak yang terpinggir*

Puchong – Kerjasama antara Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) dan Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin atau Kassim Chin Humanity Foundation (KCHF) untuk membantu kanak-kanak yang terpinggir di Pangsapuri Enggang telah mencapai satu tahap baharu, dengan pendaftaran 51 kanak-kanak dalam tadika di bawah seliaan KCHF pada tahun ini. Bilangan ini adalah yang paling tinggi sejak pusat pendidikan prasekolah itu dibuka pada 2011.

Sejak penubuhannya di kawasan Pangsapuri Enggang tujuh tahun dahulu, Tadika Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin telah menarik sejumlah 223 kanak-kanak, berumur antara lima dan enam tahun dari pangsapuri tersebut dan kawasan sekitarnya.

Kerjasama antara F&NHB dan KCHF adalah sebahagian daripada program F&N Memperkasakan Kehidupan Menerusi Pendidikan atau *F&N Empowering Lives Through Education* (E.L.I.T.E.) yang menghulurkan bantuan pendidikan kepada kanak-kanak Pangsapuri Enggang, sebuah projek pembangunan di bawah 'Program Perumahan Rakyat' di Bandar Kinrara, Puchong.

Dengan matlamat memperkasakan kanak-kanak supaya bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri, program F&N E.L.I.T.E. memberi peluang kepada kanak-kanak berusia lima hingga 20 tahun dari keluarga yang kurang berkemampuan di Pangsapuri Enggang untuk menghadiri tadika dan pusat tuisyen di kawasan perumahan tersebut secara percuma. Program ini menyediakan peluang pendidikan kepada lebih ramai kanak-kanak, dan membolehkan mereka mendapatkan pendidikan awal yang membantu mencorakkan pencapaian akademik dan kehidupan peribadi masing-masing.

Satu majlis penyampaian sijil telah diadakan baru-baru ini untuk 51 pelajar yang menamatkan pengajian di Tadika Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin dan untuk merayakan kejayaan mereka menamatkan sesi pengajian tahun ini.

Cariessa Goh, Pengurus Hal Ehwal Korporat, F&NHB, berkata bahawa beliau gembira dan teruja melihat semakin ramai pelajar tadika tahun ini. “Kadar pendaftaran yang lebih tinggi ini sesungguhnya menunjukkan peningkatan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan awal kanak-kanak di kalangan ibu bapa di Pangsapuri Enggang. Beberapa tadika di sekitar kawasan ini telah ditutup baru-baru ini, menjadikan ibu bapa lebih menyedari akan Tadika KCHF dan perkhidmatannya, dan mula menghantar anak-anak mereka ke tadika ini.

“Setiap kanak-kanak berhak mendapat pendidikan, tanpa mengira bangsa, agama atau status sosioekonomi. Bagaimanapun, anak-anak dari Pangsapuri Enggang ini berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dan golongan yang terpinggir. Keadaan ini mengekang peluang pembelajaran mereka.

“F&NHB rasa bertuah kerana diberi peluang untuk bekerjasama rapat dengan KCHF sejak beberapa tahun yang lepas untuk membolehkan kanak-kanak mendapat tempat yang saksama dalam masyarakat, seperti kanak-kanak lain yang sebaya dengan mereka. Kami harap sumbangan kami akan terus menggalakkan ibu bapa untuk lebih melibatkan diri dalam pembangunan pendidikan awal anak-anak mereka dan memahami betapa pentingnya membina asas yang kukuh untuk anak-anak mereka sebelum mereka memasuki Tahun Satu. Kami yakin bahawa dengan asas yang kukuh, kanak-kanak ini akan membesar menjadi insan yang lebih baik dan membalas budi baik masyarakat bila mereka dewasa,” tambah Goh.

Sementara itu, Miliee Kassim, Pemegang Amanah Eksekutif Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan prasekolah di Pangsapuri Enggang dan menyediakan saluran untuk kanak-kanak mencungkil bakat dan potensi penuh mereka, tanpa mengira keadaan hidup mereka.

“Sejak 2011, F&NHB dan KCHF telah bekerja keras tanpa mengenal penat atau jemu untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada kanak-kanak sebagai persediaan untuk mereka memulakan pendidikan sekolah rendah. Kami bernasib baik kerana sejak tiga tahun yang lepas kami telah menerima sokongan tambahan dalam bentuk bantuan sukarela daripada pelajar dan anak-anak muda, khususnya AISEC dari pelbagai universiti di Malaysia yang berminat untuk menyertai inisiatif kami.

“Setakat ini, kami telah bekerjasama dengan AISEC dari Sunway University dan Monash University Malaysia untuk mengambil sukarelawan dari luar negara yang berminat untuk mengajar kanak-kanak tadika sebagai sebahagian daripada program Sukarelawan Global AIESEC. Guru-guru sukarela ini berasal dari pelbagai negara termasuk Indonesia, China, Jepun, Korea, Vietnam dan Mesir. Kehadiran mereka menyuntik semangat kerana mereka muda, bersungguh-sungguh dan bertenaga, membolehkan kanak-kanak membuka minda mereka kepada budaya dan perspektif yang berbeza. Ini memberi inspirasi kepada kanak-kanak untuk memendam impian yang besar dan percaya bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk berjaya seperti guru-guru mereka,” kata Miliee.

Goh dan Miliee yakin bahawa guru-guru sukarela dan pasukan AISEC telah memainkan peranan penting dalam usaha menjayakan program F&N E.L.I.T.E. “Pasukan AISEC dari Sunway University dan Monash University Malaysia membantu menyelia dan memastikan program Sukarelawan Global AIESEC berjalan lancar dan memastikan guru-guru sukarela menerima semua bantuan dan sumber yang diperlukan,” kata Goh.

“Kami teruja dengan kesungguhan dan kegigihan sukarelawan, dan saya harap kerjasama dengan AISEC dari universiti-universiti ini akan bertahan lama kerana ia memberi kesan positif terhadap perwatakan dan nilai-nilai peribadi kanak-kanak,” tambah Miliee.

Ketua pasukan dari AISEC Monash University Malaysia, Huei Ting, 21 tahun, berkata beliau dan pasukannya berbangga kerana dapat menjadi sebahagian daripada program F&N E.L.I.T.E. sejak tiga tahun yang lepas. “Kami cuba mendapatkan sehingga tiga sukarelawan untuk setiap kumpulan yang bertugas antara enam dan 12 minggu. Setakat ini, kami telah menerima maklum balas positif daripada guru-guru tadika dan ibu bapa tentang sumbangan guru-guru sukarela kepada Tadika Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin.

“Secara keseluruhannya, guru-guru dan ibu bapa menyatakan bahawa guru-guru sukarela mendorong kanak-kanak untuk meluaskan imaginasi dan kreativiti mereka menerusi aktiviti interaktif dan menarik. Aktiviti yang menyeronokkan ini juga menggalakkan kanak-kanak untuk lebih meminati pembelajaran dan lebih bermotivasi untuk menghadiri kelas mereka,” tambahnya.

Yessi Isnain Adzanya, 19 tahun, dari Indonesia yang baru menamatkan program sukarelawan, merasa gembira kerana dapat mengajar kanak-kanak tersebut dan menjadi sebahagian daripada hidup mereka selama enam minggu.

“Saya suka budak-budak dan saya menyertai inisiatif ini untuk merealisasikan impian saya untuk mendampingi kanak-kanak dengan latar belakang hidup yang mencabar. Mereka agak riuh dan nakal tetapi mereka adalah anak-anak yang memerlukan kasih sayang dan perhatian untuk berjaya dalam hidup mereka.

“Saya gembira dan bersyukur kerana dapat menimba pengalaman manis ini bersama kanak-kanak dan guru-guru serta pasukan AISEC yang banyak membantu saya menyesuaikan diri dengan senario tempatan. Saya harap saya dapat datang lagi ke Malaysia dan menjalankan lebih banyak kerja sukarelawan bersama kanak-kanak di sini,” kata Yessi yang bekerja sebagai Eksekutif Francais Pemasaran di Indonesia.

Menurut Puan Umayavalli, guru di Tadika Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin, penyertaan guru-guru sukarela dan pasukan AIESEC banyak membantu memberi pengalaman dan memudahkan pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan bagi kanak-kanak.

“Sukarelawan ini mempunyai kerjaya di negara masing-masing dan mereka mengambil cuti daripada tugas mereka untuk membantu mengubah kehidupan kanak-kanak di sini. Kanak-kanak ini kagum dengan mereka dan menyifatkan mereka sebagai suri teladan. Sifat guru-guru sukarela yang ramah mesra dan kaedah pengajaran yang kreatif menjadikan kanak-kanak berminat untuk belajar dan datang ke sekolah. Kami harap kanak-kanak ini akan sedar bahawa mereka boleh memendam impian besar dan mengejar kecemerlangan dalam hidup jika mereka bertekad untuk berjaya,” katanya.

Dalam pada itu, Puan Fauziah Binti Ijar, ibu kepada Muhammad Hazrin Nafis, 6 tahun, yang menerima sijil di majlis tersebut, menjelaskan bahawa penubuhan Tadika Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin di Pangsapuri Enggang membantu meringankan beban ibu bapa untuk memberikan pendidikan awal yang berkualiti kepada anak-anak.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada F&NHB dan KCHF kerana kesanggupan mereka untuk mengendalikan sebuah tadika secara percuma untuk kanak-kanak di sini. Saya juga gembira kerana kanak-kanak dari kawasan sekeliling juga dibenarkan menghadiri tadika ini. Anak saya sekarang sudah pandai mengira dan saya amat gembira melihat kemajuannya sejak menyertai Tadika Yayasan Kemanusiaan Kassim Chin,” kata Puan Fauziah.

Selain tadika, KCHF juga mengendalikan pusat tuisyen secara percuma untuk kanak-kanak berumur antara tujuh dan 17 tahun di Pangsapuri Enggang. F&NHB memulakan perjalanannya dengan KCHF pada 2011 dan sejauh ini, telah menyumbangkan wang tunai sebanyak RM480,000.00 serta bekalan susu dan produk soya F&N kepada Yayasan untuk membantu menampung sumber kewangan dan keperluan pemakanan kanak-kanak yang menghadiri kelas tadika dan pusat tuisyen di Pangsapuri Enggang.

Setakat ini, sejumlah 442 kanak-kanak telah mendapat manfaat daripada program F&N E.L.I.T.E (223 peserta berusia 5-6 tahun dan 219 peserta berusia usia 7-17 tahun). Sejak 2011, 107 kanak-kanak dari kumpulan berumur lima hingga enam tahun telah menamatkan pengajian, manakala kanak-kanak lebih tua telah menamatkan persekolahan dan berjaya mendapat pekerjaan yang membolehkan mereka hidup berdikari.

Ditubuhkan secara rasmi pada 2006, pusat pendidikan Pangsapuri Enggang KCHF menduduki dua lot kedai dan terletak di antara kedai makan dan kedai runcit di dalam kawasan pangsapuri. Pusat pembelajaran yang kecil ini kini mempunyai 81 pelajar dari semua peringkat umur, daripada murid prasekolah kepada pelajar sekolah menengah. Tenaga pengajar dan sukarelawan kebanyakannya terdiri daripada penghuni pangsapuri yang mendaftarkan anak mereka sendiri di pusat tersebut.

Mengenai Fraser & Neave Holdings Bhd

Fraser & Neave Holdings Berhad (F&NHB) adalah sebuah syarikat Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dengan kepakaran dan kedudukan kukuh dalam perniagaan makanan dan minuman. Sejarah gilang-gemilang yang menjangkau 135 tahun meletakkan F&NHB dan jenamanya sebagai salah satu daripada yang dipercayai sejak turun-temurun. Syarikat ini mempunyai portfolio 20 jenama yang diminati ramai, yang merupakan pendahulu dalam pelbagai segmen iaitu 100PLUS, F&N Fun Flavours, F&N SEASONS, Susu Pekat dan Sejat F&N, F&N Magnolia, OYOSHI, Farmhouse, CARNATION dan F&N Fruit Tree. F&NHB mempunyai tenaga kerja seramai 2,700 kakitangan dan merupakan salah satu daripada 100 Majikan Utama Graduan Malaysia. F&NHB beroperasi di Malaysia, Brunei, Thailand dan Indochina, dan merupakan anak syarikat Fraser and Neave, Limited, sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura. www.fn.com.my

ooOoo

**Dikeluarkan bagi pihak Fraser & Neave Holdings Bhd
oleh Eric Pringle Associates Public Relations Sdn Bhd
Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Azizul Khair / Ida Fazila Ismail
Tel: +603-2161 7144
E-mel: azizul.khair@epapr.com.my / ida@epapr.com.my**